

08 APR 2002

PEMUDA UMNO SOKONG ABDULLAH GANTI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Pemuda Umno sependirian dengan naib presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyokong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelak.

"Pemuda Umno yakin bahawa peralihan kepimpinan yang teratur di samping usaha mengekalkan kestabilan parti penting untuk memperkasa dan memastikan Umno terus relevan dalam memperjuangkan kebajikan dan hak orang Melayu," kata ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata Pas kini memulakan dakyah untuk memperlekehkan kepimpinan Abdullah seperti mereka lakukan terhadap Dr Mahathir sebelum ini kerana Pas yakin bahawa Abdullah akan menggantikan Dr Mahathir.

Hishammuddin berkata Pas menyerang kepimpinan Abdullah kerana mahu membalas dendam terhadap Abdullah yang mengenakan larangan berceramah di tempat terbuka kepada semua parti politik.

"Gimik politik murahan Pas ini hanya berkesan ke atas ahli Pas yang tertutup minda dan tidak membaca akhbar lain selain Harakah dan Harakah-online sahaja," katanya.

Harakah baru-baru ini menyiarkan hasil satu bancian tentang bakal pengganti Dr Mahathir yang menunjukkan Abdullah hanya di tempat ketiga di belakang Najib dan seorang lagi naib presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA
SNS ZS MAI